



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM *TREASURE HUNT* KEBERSIHAN BERI MANFAAT KEPADA WARGA WP KUALA LUMPUR

24 Mac 2013, Kuala Lumpur – YB Datuk M. Saravanan hari ini merasmikan Program *Treasure Hunt* Kebersihan yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) bersama Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) dan Persatuan Penduduk PPR Batu Muda, Kuala Lumpur.

2. Kempen Kebersihan Kuala Lumpur yang telah dilancarkan oleh YB Menteri WPKB pada tahun 2010 merupakan satu usaha bagi membudayakan amalan kebersihan di Kuala Lumpur yang lebih realistik dan sistematik untuk menggambarkan imej sebenar Kuala Lumpur sebagai bandar raya indah dan bersih.
3. Antara lain, program yang telah dilaksanakan di bawah Kempen Kebersihan Kuala Lumpur ialah Penilaian KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tahun 2012 yang bertujuan untuk meningkatkan kecintaan warga Kuala Lumpur kepada kebersihan dan keindahan serta mengadaptasikan kreativiti mereka bagi menceriakan lagi kawasan perumahan sekali gus meningkatkan keindahan pemandangan Wilayah Kuala Lumpur tercinta.
4. Program *Treasure Hunt* Kebersihan yang diadakan pada hari ini juga merupakan salah satu cara yang kreatif untuk menarik minat orang awam untuk menyertai aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan masing-masing. Selain dapat bersama-sama melaksanakan aktiviti kemasyarakatan, warga kota juga berpeluang untuk memenangi

pelbagai hadiah menarik yang ditawarkan bagi program ini. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini ialah:

- i. Karnival Kerjaya Bersama Alam Flora
 - ii. Program Kesedaran 3R
 - iii. Pemeriksaan Kesihatan Percuma
 - iv. Pertandingan Gubahan Kreatif dari Barang Kitar Semula
 - v. Pertandingan Mewarna Kanak-kanak
 - vi. Pertandingan Karaoke
5. Pelaksanaan program ini diharap dapat mengukuhkan rasa tanggungjawab warga kota untuk menjaga kebersihan Kuala Lumpur ke arah mewujudkan sebuah Bandar raya yang bersih, indah dan selamat untuk didiami melalui komitmen menyeluruh daripada semua pihak. Pihak KWPKB turut berhasrat untuk melaksanakan program ini pada tahun-tahun hadapan rentetan daripada sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kota serta semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh mereka.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

24 Mac 2013

KUALA LUMPUR